



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 13 NOVEMBER 2020

#### STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pada hari ini, Malaysia mencatatkan bilangan kes pulih COVID-19 sebanyak **900 kes**. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 adalah **32,969 kes** (73.1 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

Pecahan kes yang sembuh adalah seperti berikut:

- Sabah (447 kes);
- Selangor (154 kes);
- Pulau Pinang (113 kes);
- Negeri Sembilan (82 kes);
- Wilayah Persekutuan Labuan (75 kes);
- Kedah (14 kes);
- Terengganu (6 kes);
- Sarawak (3 kes);
- Johor (3 kes); dan
- Perak (3 kes).

## **STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA**

Secara keseluruhannya, sehingga 13 November 2020 pukul 12:00 tengah hari, sebanyak **1,304 kes baharu** telah dilaporkan menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **45,095 kes**. Manakala, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 pula adalah 11,822 kes**.

Untuk makluman, negeri Sabah mencatatkan sebanyak 556 kes (42.6 peratus) daripada keseluruhan kes positif pada hari ini. Negeri-negeri di Lembah Klang pula mencatatkan 567 kes iaitu peningkatan sebanyak 2.5 kali ganda berbanding 224 kes positif semalam. Negeri Selangor melaporkan 364 kes pada hari ini (27.9 peratus) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak 202 kes (15.5 peratus) daripada jumlah keseluruhan kes positif yang dilaporkan pada hari ini. Daripada 567 kes yang dilaporkan di negeri-negeri di Lembah Klang, sebanyak 488 kes (86.1 peratus) adalah daripada kluster-kluster . Pada hari ini, sebanyak 33 kes (2.5 peratus) yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di Pusat Tahanan Sementara (PTS) dan penjara. Ini melibatkan Kluster Penjara Seberang Perai (20 kes), Kluster Penjara Kepayan (8 kes), Kluster Rumah Merah (3 kes) dan Kluster Tembok (2 kes).

Ingin dimaklumkan daripada 1,304 kes baharu pada hari ini, terdapat **empat (4) kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara**. Kesemua kes melibatkan warganegara yang tiba dari negara:

- Arab Saudi (3 kes); dan
- Mesir (1 kes).

Perincian kes penularan COVID-19 dalam negara adalah seperti berikut:

- **Sabah: 556 kes**

- 188 kes daripada kluster-kluster, termasuk 51 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Bonggaya** dan **Kluster Jambatan B**;
- 233 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 135 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Selangor: 361 kes**

- 292 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- 28 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 41 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 201 kes**

- 196 kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
- Lima (5) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Negeri Sembilan: 83 kes**

- 63 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- 15 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Lima (5) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pulau Pinang: 42 kes**

- 28 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- Sembilan (9) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Satu (1) kes *Severe Acute Respiratory Infections* (SARI); dan
- Empat (4) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sarawak: 13 kes**
  - 11 kes daripada kluster-kluster, termasuk 10 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Abell**; dan
  - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Perak: 13 kes**
  - Lapan (8) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - Satu (1) kes *Severe Acute Respiratory Infections* (SARI); dan
  - Empat (4) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Melaka: 13 kes** daripada kluster-kluster, termasuk 10 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster BMU**.
  
- **Kedah: Lima (5) kes** daripada kluster-kluster sedia ada.
  
- **Kelantan: Lima (5) kes**
  - Empat (4) kes daripada kluster sedia ada; dan
  - Satu (1) kes *Severe Acute Respiratory Infections* (SARI).
  
- **Wilayah Persekutuan Labuan: Empat (4) kes**
  - Dua (2) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Johor: Tiga (3) kes** daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
  
- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: Satu (1) kes** daripada lain-lain saringan COVID-19.

Sehingga kini, terdapat **96 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **39 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dukacita dimaklumkan bahawa terdapat pertambahan **satu (1) kes** kematian berkaitan COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **304 kes** (0.7 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

Ringkasan kes kematian hari ini adalah seperti berikut:

<b>No. Kematian</b>	<b>Kes No.</b>	<b>Negeri</b>	<b>Jantina (warganegara)</b>	<b>Umur (tahun)</b>	<b>Hospital</b>	<b>Latar Belakang</b>
304	42308	Sabah	Lelaki (WN)	70	Hospital Tuaran	Penyakit darah tinggi

\*WN merujuk kepada warganegara

KKM mengucapkan takziah kepada ahli keluarga beliau.

## **KLUSTER YANG DIISYTIHAR TAMAT**

KKM ingin memaklumkan bahawa **tiga (3)** kluster diisytiharkan tamat pada hari ini.

### **1. KLUSTER SELASIH**

Kluster ini melibatkan Wilayah Persekutuan Putrajaya, negeri Selangor, Johor dan Negeri Sembilan. Sehingga 13 November 2020, seramai 290 individu telah disaring di mana 20 kes dikesan positif COVID-19 manakala 270 individu lagi adalah negatif. Tiada kematian dilaporkan bagi kluster ini.

## **2. KLUSTER BAH PENGKALAN**

Kluster ini melibatkan negeri Perak. Sehingga 13 November 2020, seramai 354 individu telah disaring di mana enam (6) kes dikesan positif COVID-19 manakala 348 individu lagi adalah negatif. Tiada kematian dilaporkan bagi kluster ini.

## **3. KLUSTER BAH PASIR**

Kluster ini melibatkan Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya. Sehingga 13 November 2020, seramai 90 individu telah disaring di mana lima (5) kes telah dikesan positif COVID-19 manakala 85 individu lagi adalah negatif. Tiada kematian dilaporkan bagi kluster ini.

## **EMPAT (4) KLUSTER BAHARU DILAPORKAN HARI INI**

KKM ingin memaklumkan bahawa terdapat empat (4) kluster baharu telah dikenal pasti pada hari ini iaitu;

### **1. KLUSTER BONGGAYA**

Kluster baharu ini melibatkan daerah Sandakan di negeri Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-28154) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan komuniti pada 27 Oktober 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Duchess of Kent, Sandakan. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak 45 lagi kes positif COVID-19. Kesemua kes ini telah dimasukkan ke Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah, Dewan Kompleks Sukan Sibuga, Sandakan.

Sehingga 13 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 243 individu telah disaring, di mana:

- 46 kes dikesan positif COVID-19 (**33 kes baharu**);
- 123 individu dikesan negatif; dan
- 74 individu masih menunggu keputusan.

## 2. KLUSTER JAMBATAN B

Kluster baharu ini melibatkan di daerah Sandakan di negeri Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-20105) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 17 Oktober 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Duchess of Kent, Sandakan. Saringan kontak rapat dan komuniti setempat telah mengesan sebanyak 52 lagi kes positif COVID-19. Kesemua kes telah dimasukkan ke Hospital Duchess of Kent, Sandakan dan Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah COVID-19, Dewan Kompleks Sukan Sibuga, Sandakan.

Sehingga 13 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 201 individu telah disaring, di mana:

- 53 kes dikesan positif COVID-19 (**18 kes baharu**);
- 118 individu dikesan negatif; dan
- 30 individu masih menunggu keputusan.

## 3. KLUSTER ABELL

Kluster baharu ini melibatkan daerah Kuching di negeri Sarawak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-42016) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan sendiri pada 10 November 2020. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak 13 lagi kes positif COVID-19. Kesemua kes telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak.

Sehingga 13 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 70 individu telah disaring, di mana:

- 14 kes dikesan positif COVID-19 (**10 kes baharu**);
- 13 individu dikesan negatif; dan
- 43 individu masih menunggu keputusan.

#### 4. KLUSTER BMU

Kluster baharu ini melibatkan daerah Jasin di negeri Melaka. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-45077) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 11 November 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Melaka. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak sembilan (9) lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 13 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 69 individu telah disaring, di mana:

- 10 kes dikesan positif COVID-19 (**10 kes baharu**); dan
- 59 individu masih menunggu keputusan.

#### PENINGKATAN KES BAGI KLUSTER BERKAITAN TEMPAT KERJA

Ingin dimaklumkan daripada 158 kluster aktif COVID-19 yang dilaporkan, sebanyak **65 kluster** (41.1 peratus) adalah **berkaitan dengan tempat kerja** termasuk dua (2) kluster baharu diumumkan pada hari ini. Sebanyak 5,681 kes positif COVID-19 yang berkaitan kluster tempat kerja adalah melibatkan 3,369 (59.3 peratus) warganegara dan 2,312 (40.7 peratus) bukan warganegara. Ini adalah hasil tindakan proaktif majikan yang turut sama menjalankan saringan COVID-19 terhadap pekerja-pekerja mereka.



KKM amat berterima kasih dan ingin menyampaikan penghargaan kepada majikan dalam bersama-sama membantu mengesan kes-kes positif di kalangan warga kerja. Tindakan ini dapat mengekang penularan COVID-19 dalam komuniti dan seterusnya membantu KKM dalam menjalankan aktiviti kesihatan awam. Hal ini sekaligus dapat melindungi individu-individu yang berisiko tinggi, warga emas dan kanak-kanak daripada dijangkiti COVID-19.

Warga pekerja juga diseru untuk mematuhi Prosedur Amalan Standard (SOP) yang telah ditetapkan dan sentiasa mengamalkan kawalan sendiri bagi membendung penularan COVID-19 di tempat kerja. Majikan dan warga pekerja hendaklah sentiasa memastikan persekitaran tempat kerja dan kawasan gunasama (misalnya tandas, dapur dan pantri) yang bersih dan selamat bagi memutuskan rantaian jangkitan COVID-19.

Selain daripada itu, pihak majikan juga diingatkan untuk memastikan pekerja mereka mematuhi segala SOP yang ditetapkan termasuk menjaga kebersihan di kawasan penginapan dan tempat tinggal. Didapati risiko penularan adalah tinggi bagi kawasan penginapan yang sesak dan sempit.

### **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan. Jadikanlah nasihat-nasihat ini satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian:

- **Elakkan 3S / 3C** : iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak **sembang** atau bertutur dengan **jarak yang dekat (*Close conversation*)**.

- **Amalkan 3W** : iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (**Wash**), memakai alat pelitup muka (*facemask*) di tempat awam yang telah diwajibkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) mulai 1 Ogos 2020 atau jika bersejela (**Wear**), dan (**Warn**) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
  - Elakkan bersalaman / bersentuhan termasuk melagakan mana-mana bahagian tubuh badan sebagai menggantikan cara kebiasaan bersalam;
  - Amalkan etika batuk dan bersin;
  - Dapatkan rawatan segera jika bersejela;
  - Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
  - Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai normal baharu iaitu:

- **S** : Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);
- **O** : Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bersejela dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P** : Penjarakan fizikal (*physical distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter diamalkan pada setiap masa.

Di kesempatan ini, Kementerian Kesihatan Malaysia ingin mengucapkan Selamat Hari Deepavali bagi semua penganut agama Hindu dengan ucapan “*Deepavali Valthukkal*”. Adalah diingatkan, dalam kemeriahan menyambut pesta cahaya, Prosedur Amalan Standard (SOP) jangan dilupakan.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

13 November 2020 @ 5.30 petang.

**LAMPIRAN 1****BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 13 NOVEMBER 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>SABAH</b>	556	22,323
<b>SELANGOR</b>	364 (3)	7,239
<b>W.P. KUALA LUMPUR</b>	202 (1)	3,488
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	83	3,002
<b>KEDAH</b>	5	2,245
<b>PULAU PINANG</b>	42	1,552
<b>W.P. LABUAN</b>	4	1,139
<b>SARAWAK</b>	13	1,032
<b>JOHOR</b>	3	970
<b>PERAK</b>	13	695
<b>PAHANG</b>	0	395
<b>MELAKA</b>	13	359
<b>TERENGGANU</b>	0	225
<b>KELANTAN</b>	5	205
<b>W.P. PUTRAJAYA</b>	1	186
<b>PERLIS</b>	0	40
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>1,304 (4)</b>	<b>45,095</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import

**Status Terkini Kluster Aktif Yang Mencatat Kes Positif  
(13 November 2020)**

<b>Bil.</b>	<b>Kluster</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah</b>	<b>Kes Baharu</b>	<b>Jumlah Kes</b>	<b>Jumlah Yang Disaring</b>	<b>Kes Aktif (Kes ICU)</b>	<b>Jumlah Sembuh</b>	<b>Jumlah Kematian</b>
1	Tapak Bina Damanlela	WP Kuala Lumpur, Selangor	Kepong, Titiwangsa, Lembah Pantai, Cheras, Gombak, Kuala Selangor, Petaling, Hulu Langat	191	282	2,366	280 (0)	2	0
2	Hentian	Selangor, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Negeri Sembilan	Hulu Langat, Petaling, Sepang, Klang, Gombak, Kuala Langat, Cheras, Titiwangsa, Putrajaya, Seremban	164	662	7,130	314 (0)	348	0

3	Perigi	Selangor	Klang	82	187	356	183 (0)	4	0
4	Karamunting	Sabah	Sandakan	31	52	61	47 (0)	5	0
5	Cergas	Negeri Sembilan, Kelantan	Seremban, Rembau, Port Dickson, Pasir Puteh	30	754	3,316	714 (0)	40	0
6	Kaya	Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Melaka, Selangor, Johor	Seremban, Port Dickson, Kuala Pilah, Lembah Pantai, Cheras, Kepong, Putrajaya, Melaka Tengah, Sepang, Klang, Kuala Langat, Kuala Selangor, Petaling, Hulu Langat, Kluang, Kota Tinggi	27	781	2,847	340 (0)	441	0

7	Lengkuk	Selangor, Negeri Sembilan	Sepang, Hulu Langat, Petaling, Seremban, Port Dickson, Rembau, Jelevu, Kuala Pilah	21	261	1,124	217 (0)	44	0
8	Penjara Seberang Perai	Pulau Pinang	Seberang Perai Selatan	20	535	3,182	154 (2)	381	0
9	Ria-30	Sabah	Tuaran	19	112	1,090	106 (0)	6	0
10	Saga	Sabah	Kota Kinabalu	19	29	61	29 (0)	0	0
11	Mesra	Sabah	Sandakan	17	166	176	64 (0)	101	1
12	Usaha	Selangor, WP Kuala Lumpur, Johor	Klang, Petaling, Kuala Langat, Kuala Selangor, Sepang, Titiwangsa, Lembah Pantai, Segamat	12	264	630	190 (0)	74	0

13	Penjara Kepayan	Sabah	Kota Kinabalu, Papar, Penampang, Sipitang	8	1,842	3,966	199 (0)	1,643	0
14	Teratai	Selangor	Klang, Kuala Selangor, Petaling, Hulu Langat	7	111	568	100 (0)	11	0
15	Rengas	Perak, Pulau Pinang, Kedah	Kuala Kangsar, Seberang Perai Selatan, Kulim	6	121	682	119 (0)	2	0
16	Buntar	Kedah, Perak, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Johor, Selangor, Pulau Pinang	Kuala Muda, Kerian, Kinta, Larut Matang & Selama, Batang Padang, Hilir Perak, Kampar, Kepong, Putrajaya, Batu Pahat, Johor Bahru, Petaling, Sepang, Seberang Perai Selatan	6	86	1,222	34 (0)	52	0



17	Liawan	Sabah	Keningau	6	35	105	35 (0)	0	0
18	Intan	Pulau Pinang, Kedah	Timur Laut, Barat Daya, Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah, Kuala Muda	4	101	1,408	96 (0)	5	0
19	Jaya	Negeri Sembilan, Selangor	Seremban, Sepang	4	92	322	31 (0)	61	0
20	Sutera	Sabah	Kota Kinabalu	4	50	276	48 (0)	2	0
21	Kube	Kelantan	Kota Bharu, Tanah Merah	4	16	539	16 (0)	0	0
22	Rumah Merah	Sabah	Kota Kinabalu	3	423	1,796	66 (0)	357	0
23	Mampulut	Sabah	Keningau	3	81	667	75 (0)	6	0
24	Tanamera	Sabah	Tawau, Tuaran	3	81	160	46 (0)	35	0

25	Taman Bunga	Negeri Sembilan	Seremban, Kuala Pilah, Jelevu, Jempol	3	53	1,388	19 (0)	34	0
26	Dialisis	Sabah	Lahad Datu	3	46	142	28 (0)	18	0
27	Berendam	Melaka, Johor	Alor Gajah, Melaka Tengah, Tangkak	3	29	2,404	28 (0)	1	0
28	Tembok	Kedah, Perak	Kota Setar, Baling, Kuala Muda, Sungai Petani, Kubang Pasu, Padang Terap, Sik, Larut Matang & Selama	2	1,787	9,346	223 (4)	1,559	5
29	Bah Tropicana	Selangor, WP Kuala Lumpur	Petaling, Gombak, Klang, Titiwangsa, Lembah Pantai, Kepong, Cheras	2	74	929	16 (0)	58	0

30	Permatang	Kedah, Pulau Pinang, Perak, Perlis	Kulim, Langkawi, Kota Setar, Bandar Baharu, Kuala Muda, Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Utara, Timur Laut, Seberang Perai Selatan, Kinta, Arau	2	66	1,536	60 (0)	5	1
31	Tinusa	Sabah	Sandakan	2	38	589	8 (0)	29	1
32	Taman Laut	Selangor	Petaling	2	30	124	4 (0)	26	0
33	Tatahan	Sabah	Kota Kinabalu	2	20	32	17 (0)	2	1
34	Danau	WP Kuala Lumpur	Titiwangsa	2	15	1,674	7 (0)	8	0
35	Saguking	WP Labuan	Labuan	1	379	3,539	145 (0)	233	1

36	Utama	Selangor, Melaka, WP Kuala Lumpur	Gombak, Hulu Langat, Petaling, Kuala Selangor, Sepang, Alor Gajah, Lembah Pantai, Titiwangsa, Kepong, Cheras	1	270	1,227	40 (0)	230	0
37	Keladi	Selangor	Klang, Kuala Langat	1	55	355	9 (0)	46	0
38	Limbungan	WP Labuan	Labuan	1	53	383	21 (0)	32	0
39	Bah Medan	Selangor	Sepang	1	45	399	12 (0)	33	0
40	Wisma Saberkas	Sarawak	Kuching	1	42	1,245	30 (0)	12	0
41	Nahaba	Sabah	Kota Belud	1	33	642	33 (0)	0	0

42	Ikhtisas	Selangor, Kelantan, Negeri Sembilan	Petaling, Klang, Jeli, Seremban	1	25	375	13 (0)	12	0
43	Tembaga	Pulau Pinang	Timur Laut, Barat Daya	1	15	174	5 (0)	10	0